

25 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (Pembangking)

PAS HARAP PERALIHAN KUASA TAK JEJAS KESTABILAN POLITIK NEGARA

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berharap kestabilan politik negara terus kekal apabila berlaku peralihan kuasa dalam pimpinan Barisan Nasional (BN) dan kerajaan.

"Kita harapkan perubahan dan peralihan itu mengikut cara yang sebaik-baiknya agar tidak menjejaskan politik negara," katanya ketika ditemui pemberita di Kuala Terengganu hari ini.

Hadi kini memangku jawatan Presiden PAS berikutan kematian presiden parti itu Datuk Fadzil Noor Ahad lepas.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta rakyat supaya berfikiran terbuka dalam menerima keputusan Dr Mahathir untuk meletakkan semua jawatan dalam kerajaan dan parti selepas Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam pada Oktober 2003.

"Kita mesti berfikiran terbuka, jangan nampak hanya ada seorang (pemimpin) sahaja," katanya di sini hari ini.

Di MELAKA, Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock berkata tempoh panjang peralihan kuasa Dr Mahathir yang hanya akan berlaku selepas Oktober tahun depan, menimbulkan spekulasi.

"Ini berlawanan dengan hasrat beliau (Mahathir) yang ingin meletakkan jawatan beliau serta-merta pada Sabtu lepas sewaktu di perhimpunan agung Umno ...kini beliau ambil masa yang panjang," katanya.

Kerk yang juga anggota parlimen Kota Melaka berkata mungkin Dr Mahathir menangguhkan peletakan jawatan itu berikutan kekusutan yang dihadapi Umno sekiranya beliau berundur pada masa ini.

Presiden Keadilan Dr Wan Azizah Ismail mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir dan mendoakan kesejahteraan Perdana Menteri bercuti dengan aman sebelum persaraannya.

Beliau bagaimanapun berharap Abdullah menggunakan peluang ini untuk memulakan langkah asas untuk mewujudkan semula demokrasi dalam urus tadbir negara.

-- BERNAMA

SR ZS LAT